



Siri: N^o 0016

**KERAJAAN SERI PADUKA BAGINDA
MALAYSIA**

PEKELILING PERKHIDMATAN BILANGAN 9 TAHUN 1984

**GAJI PERMULAAN BAGI CALON-CALON PERKHID-
MATAN AWAM YANG BERKELULUSAN IJAZAH
DAN DIPLOMA**

1. TUJUAN

1.1 Tujuan Pekeliling ini ialah untuk membatalkan Pekeliling-pekelling Perkhidmatan yang telah luput penguatkuasaannya.

2. LATARBELAKANG

2.1 Pada masa-masa yang lepas Kerajaan telah menetapkan gaji permulaan bagi beberapa jenis kelulusan di peringkat Ijazah dan Diploma melalui Pekeliling-pekelling Perkhidmatan berikut:

Pekeliling Perkhidmatan Bil. 17 Tahun 1974

Pekeliling Perkhidmatan Bil. 31 Tahun 1974

Pekeliling Perkhidmatan Bil. 7 Tahun 1976

Pekeliling Perkhidmatan Bil. 11 Tahun 1976

Penetapan gaji permulaan itu adalah untuk memudahkan perlantikan calon-calon yang mempunyai kelulusan-kelulusan berkenaan ke dalam Perkhidmatan Awam. Di samping itu Pekeliling-pekelling Perkhidmatan tersebut juga telah menetapkan syarat-syarat penyelarasan gaji dan kenaikan gaji bagi pegawai-pegawai sedang berkhidmat yang mempunyai kelayakan-kelayakan berkenaan berikutan dengan penetapan gaji permulaan itu.

2.2 Berikutan dengan pelaksanaan Laporan Gaji Jawatankuasa Kabinet dalam tahun 1977 dan semakan yang dibuat dalam tahun 1980, gaji permulaan yang baru telah ditetapkan bagi kelulusan-kelulusan yang dimaksudkan di atas. Semua perubahan mengenai gaji permulaan ini telah dimasukkan dalam skim-skim perkhidmatan yang berkaitan untuk kemudahan perlantikan calon-calon yang mempunyai kelulusan-kelulusan tersebut. Oleh yang demikian gaji permulaan yang ditetapkan dalam Pekeliling-pekelling Perkhidmatan di atas tidaklah digunakan lagi.

3. PEMBATALAN

3.1 Dengan keluarnya Pekeliling Perkhidmatan ini, maka Pekeliling-pekeliling Perkhidmatan di perenggan 2 di atas adalah dibatalkan.

TAN SRI OSMAN S. CASSIM,
*Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam,
Malaysia*

JABATAN PERKHIDMATAN AWAM,
TINGKAT 3-13 DAN 15,
BANGUNAN WISMA BERNAMA,
JALAN TUN RAZAK,
KUALA LUMPUR.

1hb September, 1984.